

**PESAN SAIDINA ‘ALĪ BIN ABĪ ṬĀLIB TENTANG  
KHAWARIJ SEBAGAI FENOMENA IDEOLOGI BERULANG:  
ANALISIS TEORETIKAL SALAFI-JIHAD KONTEMPORARI  
BERASASKAN *FIQH AL-WATAN* DI MALAYSIA**

***THE MESSAGE OF SAYYIDINĀ ‘ALĪ IBN ABĪ ṬĀLIB ON THE  
KHĀRIJITES AS A RECURRING IDEOLOGICAL PHENOMENON: A  
THEORETICAL ANALYSIS OF CONTEMPORARY SALAFI-JIHADI  
THOUGHT BASED ON FIQH AL-WATAN IN MALAYSIA***

Muhd Imran Abd Razak <sup>1\*</sup>  
Rahimin Affandi Abd Rahim <sup>2</sup>  
Azman Yusof <sup>3</sup>  
Ibrahim Majdi Mohamad Kamil <sup>4</sup>  
Amran Muhammad <sup>5</sup>  
Paiz Hassan <sup>6</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610, Seri Iskandar, Perak, Malaysia (E-mail: [imranrazak@uitm.edu.my](mailto:imranrazak@uitm.edu.my))

<sup>2</sup> Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Lembaga Muzium Negeri Pahang, Jalan Sultan Ahmad, 26600 Pekan, Pahang, 26600, Malaysia (E-mail: [faqr\\_ila\\_rabbih@um.edu.my](mailto:faqr_ila_rabbih@um.edu.my))

<sup>3</sup> Malaysian Institute of Chemical & Bioengineering Technology, Universiti Kuala Lumpur, Lot 1988, Kawasan Perindustrian Bandar Vendor, Taboh Naning, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia (E-mail: [azmanyusof@unikl.edu.my](mailto:azmanyusof@unikl.edu.my))

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Bahagian Falsafah dan Tamadun, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia (E-mail: [ibrahimmajdi@usm.edu.my](mailto:ibrahimmajdi@usm.edu.my))

<sup>5</sup> Institut Ilmu Darul Makmur - Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (IIDM-MUIP), Tingkat 2, Lot 2-13, Mahkota Square, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang, Malaysia (E-mail: [institutilmudarulmakmur@gmail.com](mailto:institutilmudarulmakmur@gmail.com))

<sup>6</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610, Seri Iskandar, Perak, Malaysia (E-mail: [paiz4186@uitm.edu.my](mailto:paiz4186@uitm.edu.my))

\*Corresponding author: Author A email address

**Article history**

**Received date** : 19-2-2026  
**Revised date** : 20-2-2026  
**Accepted date** : 4-3-2026  
**Published date** : 25-3-2026

**To cite this document:**

Abd Razak, M. I., Abd Rahim, R. A., Yusof, A., Mohamad Kamil, I. M., Muhammad, A., & Hassan, P. (2026). Pesan Saidina ‘Alī bin Abī Ṭālib tentang Khawarij sebagai fenomena ideologi berulang: Analisis teoretikal Salafi-Jihad kontemporari berasaskan fiqh al-watan di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 317 – 334.

**Abstrak:** Kekalahan fizikal kumpulan ISIS/Daesh sering ditafsirkan sebagai penamatan ancaman ekstremisme jihad bersenjata. Namun, perkembangan keselamatan pasca-ISIS menunjukkan bahawa ideologi Salafi-jihad tidak lenyap, sebaliknya terus hidup sebagai fenomena ideologi terdesentralisasi yang bergerak melalui radikalisme individu, jaringan mikro dan ruang digital. Artikel ini berhujah bahawa Salafi-jihad perlu difahami bukan

*sebagai ancaman episodik, tetapi sebagai fenomena ideologi berulang yang telah dikenal pasti sejak awal sejarah Islam melalui kemunculan Khawarij. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis literatur, dokumen keselamatan antarabangsa dan analisis sejarah-teoretikal, kajian ini menelusuri pesan Saidina 'Alī bin Abī Ṭālib RA berkaitan Khawarij sebagai satu teori awal Islam tentang had kekerasan dan sifat berulang ekstremisme agama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ancaman Salafi-jihad di Malaysia beroperasi terutamanya pada aras epistemologi, autoriti agama dan kenegaraan, sekali gus menjadikan pendekatan keselamatan fizikal semata-mata tidak mencukupi. Sebagai sumbangan teori dan polisi, artikel ini mengemukakan Fiqh al-Watan sebagai kerangka counter-ideology Islam tempatan yang mengintegrasikan maqāsid al-sharī'ah, autoriti institusi agama, 'urf ṣaḥīḥ dan kesetiaan kepada watan. Kajian ini menyumbang kepada literatur keselamatan dan pengajian Islam dengan memperluas analisis ekstremisme agama kepada dimensi epistemologi dan kenegaraan, serta menawarkan pendekatan tempatan yang relevan untuk menangani ekstremisme ideologi secara jangka panjang dalam konteks Malaysia.*

**Kata Kunci:** *Salafi-jihad, Khawarij, Saidina 'Alī RA, Fiqh al-Watan, ekstremisme agama, keselamatan ideologi, Malaysia.*

**Abstract:** *The territorial defeat of ISIS/Daesh is often interpreted as the end of the threat posed by jihadist extremism. However, post-ISIS security developments indicate that Salafi-jihadist ideology has not disappeared; rather, it persists as a decentralized ideological phenomenon operating through individual radicalization, micro-networks, and digital spaces. This article argues that Salafi-jihadism should be understood not as an episodic security threat, but as a recurring ideological phenomenon already identified in early Islamic history through the emergence of the Kharijites. Employing a qualitative approach based on literature review, international security documents, and historical-theoretical analysis, this study examines the counsel of Caliph 'Alī ibn Abī Ṭālib (RA) regarding the Kharijites as an early Islamic theory on the limits of coercion and the recurrent nature of religious extremism. The findings demonstrate that the Salafi-jihadist threat in Malaysia operates primarily at the levels of epistemology, religious authority, and state legitimacy, rendering purely coercive security approaches insufficient. As a theoretical and policy contribution, the article advances Fiqh al-Watan as a locally grounded Islamic counter-ideological framework that integrates maqāsid al-sharī'ah, institutional religious authority, valid local custom ('urf ṣaḥīḥ), and loyalty to the nation-state. This study contributes to security studies and Islamic scholarship by extending the analysis of religious extremism beyond organizational and behavioural dimensions toward epistemological and state-centric concerns, while offering a context-sensitive Islamic response to long-term ideological extremism in Malaysia.*

**Keywords:** *Salafi-jihadism, Kharijites, 'Alī ibn Abī Ṭālib, Fiqh al-Watan, religious extremism, ideological security, Malaysia.*

## Pengenalan

Kejatuhan wilayah fizikal ISIS/Daesh di Iraq dan Syria sejak tahun 2017 sering ditafsirkan sebagai penamat ancaman ekstremisme jihad bersenjata. Namun, perkembangan keselamatan global pasca-kejatuhan ISIS menunjukkan bahawa kekalahan ketenteraan tersebut tidak membawa kepada penghapusan ideologi yang mendasarinya. Sebaliknya, ideologi *Salafi-jihad* didapati terus hidup dan berkembang dalam bentuk yang lebih terdesentralisasi, tersembunyi dan sukar dikesan, khususnya melalui radikalisasi individu, jaringan mikro dan ruang digital (United Nations Security Council [UNSC], 2024; Europol, 2025). Fenomena ini menuntut kerangka analisis yang melangkaui pendekatan keselamatan fizikal semata-mata, kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang sifat ideologi ekstremisme agama.

Dalam literatur keselamatan kontemporari, peralihan ini sering digambarkan sebagai transformasi daripada *terrorism as organization* kepada *terrorism as inspiration*, iaitu keadaan di mana ideologi berfungsi sebagai pencetus kognitif dan emosi kepada keganasan individu tanpa arahan langsung daripada struktur organisasi pusat (Hegghammer, 2010; Jones, 2023). Dalam konteks ini, kejayaan operasi keselamatan terhadap kumpulan penganas tidak semestinya menghapuskan ancaman jangka panjang, kerana akar permasalahan terletak pada cara memahami agama, autoriti ilmu dan legitimasi tindakan.

Situasi ini menjadi lebih signifikan dalam negara Muslim seperti Malaysia yang memiliki sistem Islam berinstitusi, autoriti agama rasmi dan tradisi fiqh tempatan yang mapan. Walaupun Malaysia berjaya mengekang kebangkitan organisasi penganas secara terbuka, pelbagai laporan keselamatan menunjukkan bahawa negara ini tidak terpisah daripada pengaruh ideologi *Salafi-jihad*, khususnya melalui penyebaran propaganda digital, sokongan pasif dan radikalisasi senyap dalam kalangan individu tertentu (U.S. Department of State, 2024). Ancaman ini tidak bersifat meluas, tetapi berpotensi tinggi dari sudut impak keselamatan dan kestabilan sosial.

Lebih membimbangkan, ideologi *Salafi-jihad* bukan sekadar mencabar keselamatan fizikal negara, tetapi turut mengancam asas epistemologi Islam dan konsep kenegaraan. Naratif *takfir*, penolakan autoriti ulama tempatan dan delegitimasi institusi negara mencerminkan pola ekstremisme agama yang pernah direkodkan dalam sejarah Islam awal, khususnya melalui kemunculan golongan Khawarij. Sejarah mencatatkan bahawa Khawarij muncul sebagai kumpulan yang kuat beribadah dan berpegang kepada nas agama, namun tersasar akibat kefahaman literal tanpa *maqāsid*, konteks dan disiplin ilmu (Ibn Abī al-Ḥadīd, 1965).

Dalam hal ini, pesan Saidina ‘Alī bin Abī Ṭālib RA yang berhadapan secara langsung dengan Khawarij menawarkan satu kefahaman awal Islam yang penting tentang sifat ekstremisme agama. Peringatan beliau agar Khawarij tidak terus-menerus diburu selepas kekalahan mereka mencerminkan kesedaran bahawa ekstremisme bukan semata-mata masalah ketenteraan, tetapi fenomena ideologi berulang yang berpunca daripada kesalahan metodologi dalam memahami agama (Nahj al-Balāghah, Khutbah 61). Pesan ini memberikan asas konseptual bahawa selagi nas agama dipisahkan daripada *maqāsid*, autoriti ilmu dan adab, pola pemikiran Khawarij akan terus muncul dalam bentuk baharu merentas zaman.

Bertitik tolak daripada latar ini, artikel ini berhujah bahawa kelangsungan *Salafi-jihad* kontemporari termasuk dalam konteks Malaysia dapat difahami secara lebih mendalam melalui lensa pengalaman sejarah Islam awal, khususnya pesan Saidina ‘Alī RA mengenai Khawarij. Namun, analisis ini tidak bertujuan untuk membuat analogi normatif atau perbandingan literal

antara konteks sejarah dan moden, sebaliknya untuk menelusuri struktur epistemologi ekstremisme agama yang berulang.

Sebagai sumbangan teori dan praktikal, kajian ini mengemukakan *Fiqh al-Watan* sebagai kerangka *counter-ideology* Islam tempatan yang berasaskan *maqāsid al-sharī'ah*, *'urf ṣaḥīḥ* dan kesetiaan kenegaraan. *Fiqh al-Watan* diketengahkan sebagai kesinambungan kebijaksanaan Saidina 'Alī RA dalam konteks negara moden, iaitu pendekatan yang menumpukan kepada pemulihan metodologi ilmu, autoriti agama tempatan dan keseimbangan antara agama dan watan. Dengan menempatkan *Fiqh al-Watan* sebagai teras analisis, artikel ini bertujuan untuk menyumbang kepada wacana keselamatan dan pengajian Islam melalui satu pendekatan tempatan yang berakar dalam tradisi Islam, tetapi relevan dengan cabaran ekstremisme kontemporari di Malaysia.

## Sorotan Literatur

### ***Salafi-Jihad dalam Literatur Keselamatan Kontemporari***

Literatur keselamatan kontemporari mentakrifkan *Salafi-jihad* sebagai satu aliran ideologi moden yang menggabungkan Salafisme tekstualis dengan aktivisme politik bersenjata (Khambali, Abdullah & Ali, 2017; Razak, 2018). Walaupun sering digambarkan sebagai kesinambungan tradisi Salaf, sarjana menegaskan bahawa *Salafi-jihad* bukanlah produk langsung fiqh atau teologi klasik, sebaliknya satu konstruk ideologi kontemporari yang mempolitisasikan nas agama untuk tujuan revolusi dan keganasan (Hegghammer, 2010). Dalam kerangka ini, jihad tidak lagi difahami sebagai konsep berlapis yang tertakluk kepada syarat hukum dan autoriti, tetapi direduksi kepada tindakan kekerasan simbolik terhadap musuh yang ditakrifkan secara ideologikal.

Kajian awal mengenai jihadisme banyak tertumpu kepada struktur organisasi seperti al-Qaeda dan kemudian ISIS. Namun, pasca-kejatuhan wilayah ISIS, tumpuan literatur telah beralih kepada kelangsungan ideologi berbanding kelangsungan organisasi. Laporan keselamatan antarabangsa secara konsisten menyatakan bahawa kekalahan ISIS di medan perang tidak menghapuskan ideologi *Salafi-jihad*, sebaliknya memaksa ia berevolusi ke dalam bentuk yang lebih terdesentralisasi dan sukar dikesan (United Nations Security Council [UNSC], 2024; Europol, 2025).

Dalam konteks ini, *Salafi-jihad* difahami sebagai *ideological ecosystem* yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan geopolitik dan teknologi. Jones (2023) menunjukkan bahawa propaganda ISIS direka bukan sekadar untuk memberi arahan taktikal, tetapi untuk membentuk cara berfikir, emosi dan persepsi keagamaan individu sasaran. Ideologi ini berfungsi sebagai kerangka makna yang membolehkan individu mentafsir realiti global dalam bentuk konflik kosmik antara iman dan kufur.

### **Pasca-Kejatuhan ISIS dan Peralihan Bentuk Ancaman**

Literatur pasca-2017 secara meluas mengesahkan bahawa ancaman jihadisme telah beralih daripada keganasan terancang berskala besar kepada keganasan berimpak tinggi tetapi berfrekuensi rendah, sering dilakukan oleh individu yang bertindak secara bersendirian atau dalam jaringan kecil (UNSC, 2024). Fenomena ini sering dirujuk sebagai *inspirational violence*, di mana ideologi berfungsi sebagai pencetus tindakan tanpa arahan langsung daripada organisasi pusat (Hegghammer, 2010).

Europol melalui laporan TE-SAT menegaskan bahawa radikalisation kini banyak berlaku dalam ruang digital yang berpecah, melibatkan laman web kecil, forum tertutup dan kandungan agama yang mudah disalin serta disebarluaskan semula (Europol, 2025). Keadaan ini menjadikan pengesanan awal lebih sukar dan memerlukan pendekatan pencegahan yang melibatkan dimensi pendidikan, agama dan teknologi.

Dalam kerangka ini, kajian keselamatan mula menekankan kepentingan keselamatan ideologi (*ideological security*), iaitu keupayaan negara melindungi masyarakat daripada pengaruh ekstremisme yang merosakkan asas nilai, autoriti dan kohesi sosial. Namun, kebanyakan kajian masih beroperasi dalam paradigma sekular atau psikologi, dengan penekanan kepada faktor identiti, marginalisasi atau trauma individu, tanpa memberi perhatian mendalam kepada epistemologi agama itu sendiri.

### **Khawarij dalam Literatur Islam Klasik dan Analisis Moden**

Dalam tradisi Islam, Khawarij sering dianggap sebagai kumpulan ekstremis terawal yang muncul akibat konflik politik tetapi berkembang menjadi ideologi keagamaan. Literatur klasik menggambarkan Khawarij sebagai golongan yang tekun beribadah dan kuat berpegang kepada nas, namun tersasar kerana kefahaman literal tanpa hikmah dan *maqāṣid* (Ibn Abī al-Ḥadīd, 1965). Hadis sahih yang meriwayatkan bahawa bacaan al-Quran mereka tidak melepasi kerongkong sering ditafsirkan oleh ulama sebagai kritikan terhadap **kegagalan epistemologi**, bukan kekurangan kesungguhan agama.

Dalam analisis moden, sarjana mula melihat Khawarij bukan sekadar fenomena sejarah, tetapi sebagai model ekstremisme agama berulang. Hegghammer (2010) dan Al Manasir (2017) menegaskan bahawa banyak ciri *Salafi-jihad* termasuk takfir meluas, penolakan autoriti sah dan penghalalan keganasan mempunyai persamaan struktur dengan Khawarij klasik. Walaupun konteks dan teknologi berubah, pola pemikiran yang mendasari kedua-duanya menunjukkan kesinambungan yang ketara.

Namun, kebanyakan kajian ini berhenti pada tahap perbandingan konseptual dan tidak mengembangkan implikasi teori tersebut dalam bentuk kerangka Islam tempatan yang operasional. Khawarij sering digunakan sebagai label normatif, bukan sebagai sumber teori untuk memahami dan mencegah ekstremisme kontemporari.

### **Pesan Saidina ‘Alī RA dalam Wacana Sejarah dan Politik Islam**

Dalam tradisi Islam, Khawarij sering dianggap sebagai kumpulan ekstremis terawal yang Pesan Saidina ‘Alī bin Abī Ṭālib RA berkaitan Khawarij mendapat perhatian luas dalam literatur sejarah dan politik Islam. Dalam *Nahj al-Balāghah*, beliau menegaskan agar Khawarij tidak terus-menerus diburu selepas kekalahan mereka, kerana mereka adalah golongan yang mencari kebenaran tetapi tersalah jalan (Nahj al-Balāghah, Khutbah 61). Pesan ini sering ditafsirkan sebagai manifestasi keadilan dan kebijaksanaan politik Islam awal.

Dari sudut teori, pesan ini mencerminkan satu kefahaman mendalam tentang had kekerasan sebagai alat penyelesaian masalah ideologi. Saidina ‘Alī RA membezakan antara musuh yang bersifat ideologikal dengan penjenayah yang bermotifkan kejahatan. Perbezaan ini membawa implikasi penting terhadap teori keselamatan moden, khususnya dalam memahami mengapa ekstremisme agama tidak dapat dihapuskan sepenuhnya melalui pendekatan kekerasan.



Walau bagaimanapun, dalam literatur kontemporari, pesan Saidina 'Ali RA jarang diangkat sebagai kerangka teori keselamatan atau *counter-ekstremism*. Ia sering dirujuk dalam konteks etika kepimpinan atau sejarah politik, bukan sebagai asas epistemologi untuk menganalisis ekstremisme moden seperti *Salafi-jihad*.

### ***Salafi-Jihad* sebagai Neo-Khawarij dalam Literatur Kontemporari**

Sebahagian sarjana kontemporari menggunakan istilah neo-Khawarij untuk menggambarkan *Salafi-jihad*, khususnya ISIS. Al Manasir (2017) berhujah bahawa ISIS tidak mencipta ideologi baharu, sebaliknya menghidupkan semula struktur pemikiran Khawarij dalam bentuk moden dan transnasional. Ciri utama kesinambungan ini termasuk penolakan autoriti politik dan agama, *takfir* meluas terhadap Muslim lain, serta penggunaan nas agama secara selektif untuk mengabsahkan keganasan (Razak et.al, 2017).

Namun, penggunaan istilah neo-Khawarij sering bersifat deskriptif dan polemikal, tanpa diterjemahkan ke dalam kerangka analisis yang sistematik. Kebanyakan kajian berhenti pada tahap mengenal pasti persamaan, tanpa membangunkan strategi kounter-ideologi yang berakar dalam tradisi Islam tempatan dan sesuai dengan konteks kenegaraan moden.

### **Malaysia dalam Literatur Ekstremisme Serantau**

Dalam kajian ekstremisme Asia Tenggara, Malaysia sering digambarkan sebagai negara yang relatif berjaya mengekang keganasan bersenjata melalui gabungan undang-undang keselamatan, pemantauan dan program pemulihan. Namun, literatur juga menegaskan bahawa Malaysia berhadapan dengan cabaran radikalisation ideologi berskala kecil, khususnya melalui ruang digital dan jaringan mikro (U.S. Department of State, 2024).

Kajian serantau menunjukkan bahawa ancaman di Malaysia tidak bersifat masif, tetapi berpotensi besar dari sudut impak simbolik dan sosial. Penolakan autoriti agama tempatan dan kemunculan pendakwah tidak berautoriti dalam talian dikenal pasti sebagai faktor risiko utama (Razak, 2018). Walau bagaimanapun, kajian ini jarang mengemukakan kerangka Islam tempatan sebagai respons teori, sebaliknya bergantung kepada model deradikalisasi psikologi atau pendekatan keselamatan Barat.

### ***Fiqh al-Watan* dalam Literatur Islam Kontemporari**

*Fiqh al-Watan* muncul dalam wacana Islam kontemporari sebagai usaha mengintegrasikan *fiqh*, *maqāsid al-sharī'ah*, *'urf* tempatan dan realiti kenegaraan. Literatur mengenai *Fiqh al-Watan* menekankan bahawa hukum Islam tidak boleh difahami secara terasing daripada konteks sejarah, budaya dan struktur sosial sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, *Fiqh al-Watan* menekankan kesetiaan kenegaraan, autoriti agama tempatan dan keharmonian masyarakat majmuk sebagai sebahagian daripada tuntutan syariah.

Walaupun *Fiqh al-Watan* banyak dibincangkan dalam konteks governan, pendidikan dan perpaduan nasional, penggunaannya sebagai kerangka kounter-ideologi terhadap ekstremisme agama masih terhad dalam literatur akademik. Jurang ini menunjukkan potensi besar *Fiqh al-Watan* untuk dikembangkan sebagai teori keselamatan ideologi yang berakar dalam tradisi Islam tempatan.

### **Sintesis Literatur dan Jurang Kajian**

Sorotan literatur ini menunjukkan tiga jurang utama. *Pertama*, kajian keselamatan kontemporari banyak menekankan aspek organisasi, psikologi dan teknologi ekstremisme,

tetapi kurang memberi perhatian kepada **epistemologi agama** sebagai akar masalah. *Kedua*, pengalaman sejarah Islam khususnya pesan Saidina ‘Alī RA mengenai Khawarij jarang dimanfaatkan sebagai sumber teori untuk memahami ekstremisme moden. *Ketiga*, *Fiqh al-Watan* belum dimanfaatkan secara sistematik sebagai kerangka kounter-ideologi Islam tempatan dalam menangani *Salafi-jihad*.

Bertitik tolak daripada jurang ini, kajian ini menggabungkan ketiga-tiga dimensi tersebut dengan berhujah bahawa Salafi-jihad merupakan manifestasi kontemporari fenomena ideologi berulang yang telah dikenal pasti sejak awal Islam, dan bahawa *Fiqh al-Watan* menawarkan kerangka teori dan praktikal yang sesuai untuk menangani cabaran ini dalam konteks Malaysia.

**Jadual 1: Matrik Sorotan Literatur**

| Pengarang/<br>Tahun                 | Fokus/Tema<br>Utama                       | Dapatan Utama                                                              | Had/Jurang Kajian                                          | Keperluan Kajian<br>Ini                           |
|-------------------------------------|-------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------|
| Hegghammer<br>(2010)                | <i>Salafi-jihad</i> &<br>foreign fighters | Jihadisme moden<br>ialah fenomena<br>ideologi, bukan<br>sekadar organisasi | Tidak menggunakan<br>sumber Islam klasik<br>sebagai teori  | Integrasi teori<br>ekstremisme +<br>sejarah Islam |
| Al Manasir (2017)                   | ISIS & evolusi<br><i>Salafi-jihad</i>     | ISIS kesinambungan<br>Khawarij dari sudut<br>takfir & autoriti             | Bersifat deskriptif;<br>tiada kerangka<br>kounter-ideologi | Perlunya kerangka<br>Islam tempatan               |
| Jones (2023)                        | Propaganda ISIS                           | Ideologi sebagai alat<br>pembentukan<br>kognitif                           | Fokus komunikasi,<br>bukan epistemologi<br>Islam           | Analisis agama<br>sebagai sistem ilmu             |
| UNSC (2024,<br>2025)                | Ancaman pasca-<br>ISIS                    | Ideologi terus hidup<br>walaupun struktur<br>runtuh                        | Analisis sekular<br>keselamatan                            | Kerangka Islam<br>diperlukan                      |
| Europol (2025)                      | Radikalisasi<br>digital                   | Ancaman<br>terdesentralisasi &<br>senyap                                   | Tiada analisis agama                                       | Pendekatan fiqh &<br>autoriti agama               |
| Ibn Abī al-Ḥadīd<br>(1965)          | Khawarij klasik                           | Masalah Khawarij<br>ialah salah faham<br>nas                               | Terhad kepada<br>sejarah                                   | Digunakan sebagai<br>teori ekstremisme            |
| Nahj al-Balāghah                    | Pesan Saidina<br>‘Alī RA                  | Had kekerasan<br>dalam menangani<br>Khawarij                               | Tidak dimanfaatkan<br>sebagai teori moden                  | Tafsiran teoretikal<br>diperlukan                 |
| U.S. DOS (2024)                     | Malaysia &<br>keganasan                   | Ancaman rendah<br>frekuensi, impak<br>tinggi                               | Tiada kerangka<br>Islam tempatan                           | <i>Fiqh al-Watan</i><br>sebagai respons           |
| Literatur <i>Fiqh al-<br/>Watan</i> | Islam &<br>kenegaraan                     | Integrasi <i>maqāsid</i> ,<br><i>‘urf</i> & <i>watan</i>                   | Belum diaplikasi<br>pada ekstremisme                       | Kajian ini mengisi<br>jurang                      |

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis literatur dan analisis dokumen dengan orientasi deskriptif-analitik dan teoretikal. Reka bentuk ini dipilih kerana objektif kajian bukan untuk mengukur kadar keganasan atau menguji hubungan pemboleh ubah secara statistik, sebaliknya untuk memahami sifat ideologi ekstremisme agama, struktur epistemologi yang mendasarinya serta sebab-sebab kelangsungannya dalam konteks pasca-kejatuhan ISIS. Pendekatan kualitatif amat sesuai dalam kajian ekstremisme kontemporari kerana ancaman yang dikaji bersifat kognitif, ideologikal dan wacana, bukan semata-mata tingkah laku fizikal yang dapat dikuantifikasikan (Hegghammer, 2010; United Nations Security Council [UNSC], 2024).

Sumber data kajian ini terdiri daripada tiga kategori utama. *Pertama*, dokumen keselamatan antarabangsa dan serantau seperti laporan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, laporan Europol (TE-SAT), serta *Country Reports on Terrorism* yang diterbitkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat. Dokumen-dokumen ini digunakan untuk mengenal pasti trend global dan tempatan berkaitan ancaman *Salafi-jihad* pasca-kejatuhan ISIS, khususnya peralihan daripada keganasan berskala organisasi kepada radikalisasi individu dan ideologi terdesentralisasi (Europol, 2025; U.S. Department of State, 2024).

*Kedua*, kajian ini merujuk kepada literatur akademik moden yang merangkumi artikel jurnal berindeks Scopus, buku akademik dan tesis sarjana serta kedoktoran berkaitan *Salafi-jihad*, ekstremisme agama dan radikalisasi. Literatur ini membekalkan kerangka teori keselamatan, konsep radikalisasi, serta analisis ideologi yang membolehkan kajian ini menilai *Salafi-jihad* sebagai fenomena pemikiran, bukan sekadar gerakan keganasan (Hegghammer, 2010; Jones, 2023; Al Manasir, 2017).

*Ketiga*, kajian ini turut menggunakan sumber Islam klasik terpilih, khususnya *Nahj al-Balāghah*, *Sharh Nahj al-Balāghah* karya Ibn Abī al-Ḥadīd, serta hadis-hadis sahih berkaitan Khawarij. Penggunaan sumber-sumber ini bukan bertujuan untuk membuat analisis hukum fiqh secara normatif atau membina hujah teologi, sebaliknya untuk membangunkan analogi sejarah-teoretikal bagi memahami ekstremisme agama sebagai fenomena ideologi berulang. Dalam kajian sosial dan keselamatan, pendekatan ini dikenali sebagai *diachronic analysis* atau *historical-theoretical analogy*, iaitu kaedah yang menelusuri pola pemikiran yang berulang merentas zaman walaupun konteks dan teknologi berubah (Hegghammer, 2010).

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis tematik kualitatif. Proses ini melibatkan pengenalpastian tema utama seperti takfirisme, penolakan autoriti agama, literalisme nas, radikalisasi digital dan ancaman terhadap kenegaraan. Tema-tema ini dianalisis secara perbandingan antara dua konteks utama, iaitu Khawarij klasik dalam sejarah Islam dan *Salafi-jihad* kontemporari. Analisis perbandingan ini tidak bertujuan untuk menyamakan secara literal kedua-dua konteks, tetapi untuk mengenal pasti struktur epistemologi yang serupa dan berulang, khususnya dalam cara nas agama ditafsir, autoriti ilmu ditolak dan keganasan dilegitimasi.

Dalam kerangka metodologi ini, pesan Saidina ‘Alī bin Abī Ṭālib RA mengenai Khawarij dianalisis sebagai satu teori awal Islam tentang had kekerasan dan pencegahan ekstremisme, bukan sebagai nas normatif yang dipetik secara literal. Pesan tersebut ditafsirkan sebagai refleksi kefahaman politik dan epistemologi Islam awal bahawa ekstremisme agama tidak dapat dihapuskan sepenuhnya melalui kekerasan fizikal, kerana punca utamanya terletak pada kesalahan metodologi dalam memahami agama (*Nahj al-Balāghah*, Khutbah 61; Ibn Abī al-Ḥadīd, 1965). Pendekatan ini membolehkan kajian mengaitkan pengalaman sejarah Islam secara sah dengan perbincangan keselamatan kontemporari tanpa terjerumus ke dalam analogi simplistik atau normatif.

*Fiqh al-Watan* digunakan sebagai kerangka analisis utama bagi menilai implikasi dapatan kajian. Dalam konteks metodologi, *Fiqh al-Watan* berfungsi sebagai lensa konseptual yang mengintegrasikan *maqāṣid al-sharī‘ah*, autoriti ilmu dan institusi agama tempatan, *‘urf ṣaḥīḥ* serta realiti kenegaraan Malaysia. Kerangka ini membolehkan kajian menilai *Salafi-jihad* bukan sahaja sebagai ancaman keselamatan, tetapi sebagai ancaman terhadap sistem ilmu, autoriti agama dan kesetiaan kenegaraan. Dengan itu, *Fiqh al-Watan* digunakan bukan sebagai hujah



normatif, tetapi sebagai alat analisis teoretikal untuk membina *counter-ideology* Islam tempatan yang berakar dalam tradisi Islam dan konteks watan.

Kajian ini mempunyai beberapa batasan. Ia tidak melibatkan temu bual lapangan, kajian etnografi atau analisis kuantitatif terhadap data keganasan. Analisis kes Malaysia bergantung kepada sumber terbuka dan laporan rasmi, manakala perbincangan Khawarij bersifat epistemologi dan sejarah, bukan perincian fiqh jihad klasik. Walau bagaimanapun, batasan ini tidak menjejaskan objektif kajian kerana fokus utama adalah pada pola ideologi, struktur pemikiran dan sumbangan teori, selari dengan tujuan untuk membina kerangka kounter-ideologi berasaskan *Fiqh al-Watan*.

Secara keseluruhan, pendekatan metodologi ini membolehkan kajian menghubungkan data keselamatan kontemporari dengan pengalaman sejarah Islam secara sistematik dan sah, serta membangunkan hujah bahawa *Salafi-jihad* merupakan manifestasi moden fenomena ideologi berulang yang telah dikenal pasti sejak awal Islam, dan bahawa *Fiqh al-Watan* menawarkan kerangka teoretikal yang relevan untuk menangani cabaran tersebut dalam konteks Malaysia.

### **Perkembangan *Salafi-Jihad* Di Malaysia: Analisis Data Dan Kes**

Perkembangan ideologi *Salafi-jihad* di Malaysia menunjukkan pola yang berbeza daripada zon konflik bersenjata seperti Iraq dan Syria. Dalam konteks Malaysia, *Salafi-jihad* tidak berkembang sebagai organisasi bersenjata terbuka atau gerakan massa yang tersusun, sebaliknya hadir sebagai ancaman ideologi terdesentralisasi yang beroperasi melalui radikalisation individu, jaringan mikro dan penyebaran wacana agama ekstrem dalam ruang digital (Razak et.al, 2017). Corak ini selari dengan dapatan keselamatan antarabangsa pasca-kejatuhan ISIS yang menegaskan bahawa ancaman utama ekstremisme jihad kini beralih daripada struktur organisasi kepada kelangsungan ideologi (United Nations Security Council [UNSC], 2024; Europol, 2025).

Laporan *Country Reports on Terrorism* oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat secara konsisten mengklasifikasikan Malaysia sebagai negara yang berjaya mengekang kebangkitan kumpulan pengganas terancang melalui penguatkuasaan undang-undang dan pemantauan keselamatan yang berkesan. Namun, laporan yang sama turut menegaskan bahawa ancaman sokongan ideologi, radikalisation senyap dan pengaruh propaganda ekstrem masih wujud, khususnya dalam bentuk sokongan pasif terhadap Daesh serta pendedahan kepada kandungan ideologi jihad dalam talian (U.S. Department of State, 2024). Dapatan ini menunjukkan bahawa kejayaan keselamatan fizikal tidak semestinya menandakan penghapusan ancaman ideologi.

Analisis kes-kes berkaitan ekstremisme di Malaysia menunjukkan bahawa radikalisation sering berlaku secara individu atau dalam lingkungan sosial yang kecil seperti keluarga dan kenalan rapat tanpa penglibatan langsung dengan rangkaian pengganas antarabangsa yang kompleks. Fenomena ini seiring dengan konsep *self-radicalisation* dan *micro-radicalisation networks* yang dibincangkan dalam literatur keselamatan kontemporari, di mana individu membina kefahaman ekstrem secara autonomi melalui pendedahan berulang kepada wacana ideologi tertentu (Hegghammer, 2010; Jones, 2023). Dalam konteks ini, ideologi *Salafi-jihad* berfungsi sebagai rangka makna yang membolehkan individu mentafsir realiti sosial dan politik dalam bentuk konflik keagamaan yang binari.

Salah satu ciri utama perkembangan *Salafi-jihad* di Malaysia ialah peranan dominan ruang digital sebagai medium penyebaran ideologi. Laporan Europol menunjukkan bahawa

propaganda jihad kini bergerak melalui ekosistem dalam talian yang berpecah, termasuk laman web kecil, saluran media sosial tertutup dan bahan agama yang disebarkan secara tidak formal (Europol, 2025). Dalam konteks Malaysia, penyebaran ideologi ini sering berlaku melalui kandungan agama yang dipetik secara selektif, tanpa autoriti keilmuan yang jelas, dan dipersembahkan sebagai kebenaran Islam sejati yang menentang institusi agama arus perdana. Keadaan ini meningkatkan risiko radikalisation dalam kalangan individu yang mempunyai literasi agama dan epistemologi yang terhad (Razak, 2018).

Selain itu, dimensi transnasional turut memainkan peranan dalam perkembangan *Salafi-jihad* di Malaysia, walaupun dalam skala yang terhad. Aliran ideologi dari luar negara, khususnya melalui media digital dan hubungan sosial rentas sempadan, membolehkan naratif jihad global menembusi konteks tempatan tanpa memerlukan kehadiran fizikal organisasi pengganas. Laporan keselamatan antarabangsa menegaskan bahawa dalam era globalisasi, ekstremisme agama sering muncul sebagai ancaman hibrid yang menggabungkan unsur tempatan dan import ideologi luar, menjadikannya lebih sukar dikesan dan ditangani melalui pendekatan konvensional (UNSC, 2024).

Satu aspek penting yang berulang dalam analisis kes Malaysia ialah penolakan terhadap autoriti agama tempatan. Individu yang terdedah kepada ideologi *Salafi-jihad* cenderung mempersoalkan legitimasi mufti, majlis agama dan ulama berinstitusi, serta melabel mereka sebagai ulama pemerintah atau alat sistem *tāghūt* (Razak, 2018). Naratif ini mencerminkan pola klasik ekstremisme agama yang menolak autoriti sah dan menggantikannya dengan tafsiran individu atau tokoh luar yang tidak berakar dalam konteks tempatan (Al Manasir, 2017). Dari sudut epistemologi, penolakan autoriti ini membuka ruang luas kepada interpretasi agama yang ekstrem dan takfiri.

Secara keseluruhan, analisis perkembangan *Salafi-jihad* di Malaysia menunjukkan bahawa ancaman yang wujud bersifat rendah frekuensi tetapi berimpak tinggi, serta beroperasi secara senyap dan terdesentralisasi. Ideologi *Salafi-jihad* tidak memerlukan struktur organisasi yang besar untuk bertahan, kerana kekuatannya terletak pada keupayaan membentuk cara berfikir dan kerangka makna individu. Dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa ekstremisme agama di Malaysia tidak boleh difahami semata-mata sebagai isu keselamatan fizikal, tetapi perlu ditangani sebagai ancaman ideologi dan epistemologi jangka panjang.

Perbincangan dalam subtopik ini menyediakan asas empirik yang penting untuk memahami implikasi lebih luas ideologi *Salafi-jihad* terhadap negara dan masyarakat, yang akan dihuraikan dalam subtopik seterusnya. Ia juga mengesahkan keperluan untuk menelusuri pengalaman sejarah Islam dan membangunkan kerangka kounter-ideologi berasaskan *Fiqh al-Watan*, sebagaimana dibincangkan dalam bahagian perbincangan teoretikal kajian ini.

**Jadual 2: Perkembangan *Salafi-jihad* di Malaysia**

| Dimensi Analisis          | Dapatan Utama                                                        | Bukti/ Sumber Literatur         | Implikasi Teoretikal                                                                  | Implikasi Awal Polisi                                           |
|---------------------------|----------------------------------------------------------------------|---------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|
| <b>Bentuk Ancaman</b>     | Ancaman tidak berorganisasi; bersifat ideologi dan terdesentralisasi | UNSC (2024); Europol (2025)     | <i>Salafi-jihad</i> wujud sebagai <i>ideological ecosystem</i> , bukan entiti fizikal | Polisi keselamatan perlu fokus ideologi, bukan sekadar kumpulan |
| <b>Corak Radikalisasi</b> | Radikalisasi individu dan jaringan mikro                             | Hegghammer (2010); Jones (2023) | Ekstremisme beroperasi melalui pembentukan makna dan emosi                            | Keperluan pencegahan awal & literasi agama                      |

|                              |                                                        |                                 |                                                       |                                                           |
|------------------------------|--------------------------------------------------------|---------------------------------|-------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|
| <b>Peranan Digital</b>       | Media digital sebagai medium utama penyebaran ideologi | Europol (2025)                  | Otoriti agama tradisional terpinggir dalam ruang maya | Kawal selia dakwah digital & latihan pendakwah            |
| <b>Skala Ancaman</b>         | Rendah frekuensi tetapi berimpak tinggi                | U.S. Department of State (2024) | Ancaman simbolik dan psikososial lebih dominan        | Pendekatan <i>risk-based</i> lebih sesuai                 |
| <b>Dimensi Transnasional</b> | Ideologi import tanpa kehadiran fizikal organisasi     | UNSC (2024)                     | Globalisasi ideologi mempercepat radikalisasi         | Kerjasama serantau & pemantauan naratif                   |
| <b>Autoriti Agama</b>        | Penolakan mufti & institusi agama tempatan             | Al Manasir (2017)               | Krisis epistemologi Islam tempatan                    | Pengukuhan autoriti ilmu & institusi                      |
| <b>Naratif Agama</b>         | Takfir, literalisme nas, delegitimasi negara           | Ibn Abī al-Ḥadīd (1965)         | Kesinambungan pola Khawarij klasik                    | Perlu kounter-naratif berasaskan fiqh                     |
| <b>Keseluruhan Pola</b>      | Ideologi hidup walaupun struktur mati                  | UNSC (2024); Europol (2025)     | Ekstremisme sebagai fenomena ideologi berulang        | Justifikasi <i>Fiqh al-Watan</i> sebagai kounter-ideologi |

Jadual ini mensintesis dapatan empirik Subtopik 4 dan menunjukkan bahawa perkembangan *Salafi-jihad* di Malaysia tidak dapat difahami melalui paradigma keselamatan fizikal semata-mata, sebaliknya memerlukan analisis ideologi dan epistemologi yang menjadi asas perbincangan teoretikal dalam Subtopik 6.

### Ancaman Ideologi Terhadap Negara dan Masyarakat

Ancaman utama *Salafi-jihad* terhadap Malaysia tidak terletak pada kebarangkalian keganasan berskala besar, tetapi pada kesan ideologinya yang perlahan, berlapis dan berpanjangan terhadap struktur sosial, epistemologi agama dan konsep kenegaraan. Seiring dengan peralihan ekstremisme pasca-kejuatan ISIS, ancaman ini beroperasi sebagai proses penghakisan nilai dan autoriti, bukannya konfrontasi bersenjata terbuka. Literatur keselamatan antarabangsa menegaskan bahawa ancaman ideologi sebegini sering lebih sukar ditangani kerana ia tidak mudah dikesan, tidak memerlukan organisasi formal dan boleh berakar dalam jangka masa panjang sebelum menghasilkan implikasi keselamatan yang nyata (United Nations Security Council [UNSC], 2024).

Salah satu ancaman paling signifikan ialah krisis epistemologi agama dalam kalangan sebahagian masyarakat Islam. Ideologi *Salafi-jihad* mempromosikan pemahaman agama yang literal, reduksionis dan terpisah daripada *maqāṣid al-sharī'ah* serta disiplin ilmu tradisional. Dalam kerangka ini, autoriti ilmu digantikan dengan keyakinan individu, manakala kompleksiti tradisi fiqh dan khilaf ilmiah dianggap sebagai kelemahan agama. Pola ini menyerupai ciri klasik Khawarij yang dikenal pasti dalam literatur Islam, iaitu kecenderungan memahami nas secara sempit tanpa hikmah dan konteks (Ibn Abī al-Ḥadīd, 1965). Dalam konteks moden, krisis epistemologi ini memudahkan ideologi ekstrem menyusup ke dalam wacana agama arus perdana melalui medium digital yang tidak ditapis (Razak, 2018).

Ancaman seterusnya ialah penghakisan autoriti agama tempatan. Dalam konteks Malaysia, sistem Islam berinstitusi seperti mufti, majlis agama dan institusi fatwa memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseragaman, kestabilan dan kesederhanaan kefahaman Islam. Namun, ideologi *Salafi-jihad* secara konsisten membingkai autoriti ini sebagai tidak sah,

tunduk kepada pemerintah atau sebagai sebahagian daripada sistem *tāghūt*. Laporan keselamatan dan kajian akademik menunjukkan bahawa penolakan autoriti agama tempatan merupakan petunjuk awal kepada proses radikalisasi ideologi (Al Manasir, 2017; U.S. Department of State, 2024). Apabila autoriti tempatan dilemahkan, ruang tafsiran agama terbuka luas kepada sumber luar yang tidak berakar dalam konteks sosial dan kenegaraan Malaysia.

Dari sudut sosial, ideologi *Salafi-jihad* turut mengancam kohesi masyarakat melalui normalisasi naratif *takfir* dan penghakiman moral yang melampau. Walaupun tidak semua individu yang terdedah kepada ideologi ini terlibat dalam keganasan, kecenderungan untuk melabel Muslim lain sebagai sesat, munafik atau tidak Islamik menyumbang kepada polarisasi dalaman Masyarakat (Razak, 2018). Literatur keselamatan menegaskan bahawa polarisasi ideologi sedemikian meningkatkan risiko konflik sosial dan melemahkan keupayaan masyarakat untuk menolak ekstremisme secara kolektif (Hegghammer, 2010). Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, implikasi ini menjadi lebih sensitif kerana ia berpotensi menjejaskan keharmonian antara agama dan etnik.

Ancaman ideologi *Salafi-jihad* juga membawa implikasi langsung terhadap **konsep** kenegaraan dan kesetiaan kepada watan. Ideologi ini menolak legitimasi negara bangsa moden dan menganggap kesetiaan kepada perlembagaan, undang-undang dan kewarganegaraan sebagai bentuk syirik atau kompromi akidah. Dalam konteks Malaysia, naratif ini bercanggah secara langsung dengan struktur kenegaraan yang mengiktiraf Islam sebagai agama Persekutuan, sambil mengekalkan prinsip kedaulatan undang-undang dan kepelbagaian masyarakat. Penolakan terhadap konsep watan ini bukan sahaja mencabar keselamatan negara, tetapi turut melemahkan asas moral dan politik yang menyokong kewujudan institusi Islam tempatan (UNSC, 2024).

Selain itu, ancaman ideologi *Salafi-jihad* bersifat jangka panjang dan intergenerasi. Radikalisasi tidak semestinya menghasilkan tindakan keganasan segera, tetapi boleh membentuk cara berfikir, sikap terhadap autoriti dan persepsi dunia dalam jangka masa panjang. Kajian keselamatan menunjukkan bahawa individu yang terdedah kepada ideologi ekstrem secara berterusan berpotensi mewariskan pola pemikiran tersebut kepada jaringan sosial terdekat, termasuk ahli keluarga tanpa penglibatan langsung dalam aktiviti keganasan (Europol, 2025). Keadaan ini menjadikan ekstremisme sebagai masalah sosial yang berlapis dan berakar, bukan sekadar isu keselamatan segera.

Secara keseluruhan, ancaman ideologi *Salafi-jihad* terhadap Malaysia perlu difahami sebagai ancaman epistemologi, sosial dan kenegaraan yang saling berkait. Ia tidak dapat ditangani secara berkesan melalui pendekatan penguatkuasaan undang-undang semata-mata, kerana punca utamanya terletak pada cara agama difahami, autoriti ditafsir dan kesetiaan politik dibingkai. Dapatan dalam subtopik ini mengukuhkan keperluan kepada satu kerangka kounter-ideologi yang berasaskan tradisi Islam, namun serasi dengan realiti kenegaraan moden. Perbincangan ini seterusnya membuka ruang kepada analisis teoretikal dalam subtopik berikut, yang menelusuri pengalaman sejarah Islam melalui pesan Saidina ‘Alī bin Abī Ṭālib RA mengenai Khawarij, serta mengemukakan *Fiqh al-Watan* sebagai kerangka kounter-ideologi yang berpotensi menangani ancaman ekstremisme agama secara lebih menyeluruh dan berakar dalam konteks Malaysia.

**Jadual 3: Sintesis Ancaman Ideologi *Salafi-Jihad* Terhadap Negara & Masyarakat**

| Dimensi Ancaman                   | Huraian Ringkas                                        | Bukti/ Rujukan Literatur                   | Implikasi Teoretikal               | Implikasi Polisi Awal             |
|-----------------------------------|--------------------------------------------------------|--------------------------------------------|------------------------------------|-----------------------------------|
| <b>Epistemologi Agama</b>         | Literalisme nas, reduksionisme fiqh, penolakan maqāṣid | Ibn Abi al-Ḥadīd (1965); Hegghammer (2010) | Krisis metodologi ilmu Islam       | Reformasi pendidikan agama        |
| <b>Autoriti Agama</b>             | Delegitimasi mufti & institusi agama tempatan          | Al Manasir (2017); U.S. DOS (2024)         | Kekosongan autoriti → radikalisasi | Pemeriksaan institusi agama       |
| <b>Kohesi Sosial</b>              | Normalisasi takfir & polarisasi dalaman                | Hegghammer (2010)                          | Fragmentasi ummah                  | Dialog & literasi keagamaan       |
| <b>Kenegaraan (Watan)</b>         | Penolakan negara bangsa & perlembagaan                 | UNSC (2024)                                | Konflik agama–negara               | <i>Fiqh al-Watan</i> sebagai asas |
| <b>Keselamatan Jangka Panjang</b> | Radikalisme senyap & intergenerasi                     | Europol (2025)                             | Ekstremisme berakar lama           | Pencegahan awal & komuniti        |
| <b>Dimensi Digital</b>            | Penyebaran ideologi tanpa autoriti                     | Europol (2025)                             | Autoriti ilmu terpinggir           | Tadbir urus dakwah digital        |
| <b>Keseluruhan Impak</b>          | Ancaman ideologi lebih bahaya daripada fizikal         | UNSC (2024)                                | Ekstremisme = fenomena berulang    | Perlu kounter-ideologi            |

Jadual ini menunjukkan bahawa ancaman *Salafi-jihad* di Malaysia beroperasi terutamanya pada aras epistemologi, sosial dan kenegaraan. Oleh itu, pendekatan keselamatan fizikal semata-mata tidak mencukupi, sekali gus mengesahkan keperluan kepada kerangka kounter-ideologi berasaskan tradisi Islam tempatan, sebagaimana dibincangkan dalam Subtopik 6.

**Jadual 4: Dapatan Empirik → Implikasi Teoretikal → Arah Polisi**

| Dimensi Analisis          | Dapatan Empirik (Subtopik 4)                         | Ancaman Ideologi (Subtopik 5)                        | Implikasi Teoretikal                                                  | Arah Polisi/ Respons Strategik        |
|---------------------------|------------------------------------------------------|------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|
| <b>Bentuk Ancaman</b>     | Tiada organisasi terbuka; ideologi terdesentralisasi | Ancaman tidak kelihatan & berjangka panjang          | Ekstremisme sebagai <i>phenomenon of ideas</i> , bukan entiti fizikal | Perlu paradigma keselamatan ideologi  |
| <b>Corak Radikalisme</b>  | Radikalisme individu & jaringan mikro                | Pembentukan pemikiran ekstrem tanpa keganasan segera | Fokus kepada struktur kognitif & epistemologi                         | Pencegahan awal berasaskan pendidikan |
| <b>Medium Penyebaran</b>  | Dominasi ruang digital                               | Penyebaran agama tanpa autoriti                      | Krisis autoriti ilmu dalam era digital                                | Tadbir urus dakwah digital            |
| <b>Naratif Agama</b>      | Takfir, literalisme nas, simplifikasi jihad          | Polarisasi & normalisasi penghakiman agama           | Kesinambungan pola Khawarij klasik                                    | Kounter-naratif berasaskan maqāṣid    |
| <b>Autoriti Agama</b>     | Penolakan mufti & institusi tempatan                 | Kekosongan autoriti → radikalisme                    | Ekstremisme bermula dengan delegitimasi ulama                         | Pemeriksaan institusi agama           |
| <b>Dimensi Sosial</b>     | Ancaman berskala kecil tetapi sensitif               | Fragmentasi sosial & kohesi lemah                    | Ekstremisme melemahkan solidariti ummah                               | Penguatan wacana wasatiyyah           |
| <b>Dimensi Kenegaraan</b> | Penolakan negara bangsa                              | Delegitimasi perlembagaan & kewarganegaraan          | Konflik agama–watan                                                   | <i>Fiqh al-Watan</i> sebagai asas     |



|                              |                                         |                                   |                                              |                                               |
|------------------------------|-----------------------------------------|-----------------------------------|----------------------------------------------|-----------------------------------------------|
| <b>Sifat Ancaman</b>         | Rendah frekuensi, impak tinggi          | Ancaman simbolik & psikososial    | Kekerasan bukan indikator utama              | Pendekatan <i>risk-based</i>                  |
| <b>Dimensi Transnasional</b> | Ideologi import tanpa kehadiran fizikal | Globalisasi ekstremisme           | Ekstremisme sebagai fenomena rentas sempadan | Kerjasama serantau                            |
| <b>Kesinambungan Sejarah</b> | Pola sama berulang                      | Neo-Khawarij moden                | Ekstremisme = ideologi berulang              | Pencegahan epistemologi                       |
| <b>Keseluruhan Sintesis</b>  | Ideologi hidup walaupun struktur mati   | Ancaman lebih bahaya dari fizikal | Had pendekatan keselamatan keras             | Keperluan kounter-ideologi                    |
| <b>Kerangka Penyelesaian</b> | Pendekatan sedia ada terhadap           | Kegagalan jangka panjang          | Perlunya teori Islam tempatan                | Fiqh al-Watan sebagai <i>counter-ideology</i> |

Jadual ini mensintesis dapatan empirik (Subtopik 4) dan analisis ancaman ideologi (Subtopik 5) bagi menunjukkan secara jelas mengapa ekstremisme *Salafi-jihad* di Malaysia perlu difahami sebagai fenomena ideologi berulang. Sintesis ini menyediakan justifikasi teoretikal langsung kepada Subtopik 6, yang membincangkan pesan Saidina ‘Alī bin Abī Ṭālib RA dan *Fiqh al-Watan* sebagai kerangka kounter-ideologi.

### Perbincangan Teoretikal dan Implikasi Polisi

Perbincangan teoretikal dalam kajian ini berangkat daripada dapatan empirik bahawa ancaman *Salafi-jihad* di Malaysia bersifat ideologi, terdesentralisasi dan berjangka panjang. Dapatan ini menuntut satu kerangka tafsiran yang melampaui pendekatan keselamatan konvensional dan memberi tumpuan kepada struktur pemikiran, autoriti ilmu dan hubungan agama dan kenegaraan. Dalam konteks ini, pengalaman sejarah Islam awal khususnya interaksi Saidina ‘Alī bin Abī Ṭālib RA dengan Khawarij menawarkan satu lensa teori yang relevan untuk memahami ekstremisme agama sebagai fenomena ideologi berulang, bukan anomali sementara.

Literatur Islam klasik mencatatkan bahawa Khawarij muncul sebagai kelompok yang berpegang kuat kepada nas agama, tetapi tersasar akibat kefahaman literal tanpa *maqāsid*, disiplin ilmu dan adab khilaf. Ibn Abī al-Ḥadīd (1965) menegaskan bahawa punca utama kesesatan Khawarij bukan kekurangan keikhlasan, tetapi kegagalan epistemologi dalam memahami agama. Dapatan ini sejajar dengan analisis kontemporari yang melihat *Salafi-jihad* sebagai ideologi yang memutlakkan tafsiran sendiri, menolak autoriti sah dan menghalalkan keganasan atas nama pemurnian agama (Hegghammer, 2010; Al Manasir, 2017).

Pesan Saidina ‘Alī RA agar Khawarij tidak terus-menerus diburu selepas kekalahan mereka di Nahrawan sering difahami sebagai manifestasi keadilan politik. Namun, dari sudut teoretikal, pesan ini mencerminkan kefahaman mendalam tentang had kekerasan dalam menangani ekstremisme ideologi. Dalam *Nahj al-Balāghah* (Khutbah 61), Saidina ‘Alī RA membezakan antara golongan yang mencari kebenaran tetapi tersalah jalan dengan penjenayah yang bermotifkan kejahatan. Pemisahan ini menunjukkan bahawa ekstremisme agama tidak dapat dihapuskan sepenuhnya melalui kekerasan fizikal, kerana akar permasalahannya terletak pada cara memahami agama, bukan sekadar tindakan keganasan.

Apabila dapatan ini dibaca bersama literatur keselamatan kontemporari, satu kesepadanan teoretikal yang penting muncul. Laporan keselamatan antarabangsa secara konsisten menyatakan bahawa penumpasan organisasi pengganas tidak menghapuskan ideologi ekstrem, sebaliknya memaksa ia berevolusi dalam bentuk baharu yang lebih sukar dikesan (United Nations Security Council [UNSC], 2024; Europol, 2025). Kesepadanan ini mengukuhkan hujah

bahawa pesan Saidina ‘Alī RA bukan sekadar respons kontekstual abad pertama Hijrah, tetapi teori awal Islam tentang kelangsungan ekstremisme ideologi.

Dalam kerangka ini, *Salafi-jihad* kontemporari dapat difahami sebagai manifestasi neo-Khawarij, bukan dari sudut label polemikal, tetapi berdasarkan persamaan struktur epistemologi: literalisme nas, penolakan autoriti, takfir meluas dan delegitimasi kenegaraan. Perbezaan utama hanyalah pada konteks, teknologi dan skala globalisasi ideologi. Oleh itu, pendekatan yang menumpukan kepada penguatkuasaan undang-undang semata-mata-walaupun perlu didapati tidak mencukupi untuk menangani ancaman yang bersifat ideologikal dan berulang ini.

Berdasarkan sintesis teoretikal tersebut, kajian ini mengemukakan *Fiqh al-Watan* sebagai kerangka *counter-ideology* yang relevan dan operasional dalam konteks Malaysia. *Fiqh al-Watan* bukan sekadar pendekatan fiqh tempatan, tetapi satu kerangka epistemologi yang mengintegrasikan *maqāṣid al-sharī‘ah*, autoriti ilmu dan institusi agama tempatan, *‘urf ṣaḥīḥ* serta kesetiaan kepada watan sebagai tuntutan syariah. Dalam kerangka ini, kesetiaan kepada negara dan perlembagaan tidak dilihat sebagai kompromi akidah, tetapi sebagai mekanisme *syar‘i* untuk menjaga masalah umum dan kestabilan masyarakat.

Sebagai *counter-ideology*, *Fiqh al-Watan* berfungsi pada tiga aras utama. *Pertama*, pada aras epistemologi, ia menegaskan kepentingan metodologi ilmu, adab khilaf dan hierarki autoriti dalam memahami agama. Pendekatan ini secara langsung menutup ruang kepada tafsiran individu yang ekstrem dan takfiri. *Kedua*, pada aras institusi, *Fiqh al-Watan* mengukuhkan legitimasi mufti, majlis agama dan institusi Islam tempatan sebagai penjaga keseragaman dan kesederhanaan kefahaman agama. *Ketiga*, pada aras kenegaraan, *Fiqh al-Watan* menegaskan bahawa kesetiaan kepada watan adalah sebahagian daripada tanggungjawab agama dalam konteks negara moden yang berdaulat.

Implikasi polisi daripada kerangka ini adalah signifikan. *Pertama*, keselamatan ideologi perlu diangkat sebagai agenda strategik negara, setara dengan keselamatan fizikal. Ini merangkumi pengukuhan pendidikan agama berasaskan metodologi dan *maqāṣid*, bukan sekadar pengisian ritual atau hafalan teks. *Kedua*, tadbir urus dakwah digital perlu diperkasakan dengan menekankan autoriti ilmu dan literasi agama, agar ruang maya tidak dikuasai oleh wacana ekstrem yang tidak bertanggungjawab. *Ketiga*, latihan dan pembangunan kapasiti bagi pendakwah, guru agama dan pemimpin komuniti perlu berasaskan kerangka *Fiqh al-Watan* supaya mereka berupaya menjadi benteng awal terhadap radikalisasi ideologi.

Secara keseluruhan, perbincangan teoretikal ini mengesahkan bahawa ekstremisme *Salafi-jihad* tidak boleh ditangani sebagai ancaman sementara atau episodik. Sebaliknya, ia merupakan fenomena ideologi berulang yang telah dikenal pasti sejak awal sejarah Islam. Dalam konteks Malaysia, *Fiqh al-Watan* menawarkan satu pendekatan yang berakar dalam tradisi Islam, selari dengan kebijaksanaan Saidina ‘Alī RA, dan relevan dengan realiti kenegaraan moden. Kerangka ini menyediakan asas teori dan polisi untuk membina daya tahan masyarakat terhadap ekstremisme agama secara berjangka panjang.

**Jadual 5: Implikasi Polisi**

| Isu Teras                        | Dapatan/ Rasional Teoretikal                                 | Asas Teori Islam                            | Implikasi Polisi Malaysia                                        | Instrumen/ Tindakan Praktikal        |
|----------------------------------|--------------------------------------------------------------|---------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|--------------------------------------|
| <b>Sifat Ancaman</b>             | Ekstremisme ialah fenomena ideologi berulang, bukan episodik | Pesan Saidina 'Alī RA tentang had kekerasan | Alih fokus daripada “hapus kumpulan” kepada “ketahanan ideologi” | Polisi keselamatan ideologi nasional |
| <b>Pendekatan Kekerasan</b>      | Kekerasan tidak menghapus ideologi                           | Nahj al-Balāghah, Khutbah 61                | Imbangan antara penguatkuasaan & pencegahan                      | Penguatkuasaan + pendidikan agama    |
| <b>Epistemologi Agama</b>        | Literalisme nas & salah metodologi punca ekstremisme         | Kritikan Khawarij (Ibn Abī al-Hadīd)        | Reformasi kandungan pendidikan agama                             | Silibus <i>maqāsid</i> & adab khilaf |
| <b>Autoriti Ilmu</b>             | Penolakan ulama sah mendahului radikalisation                | Tradisi autoriti ilmu Islam                 | Pemeriksaan mufti & institusi agama                              | Standard autoriti pendakwah          |
| <b>Dakwah Digital</b>            | Ruang maya dominan tanpa tapisan autoriti                    | Prinsip <i>sadd al-dharā'i'</i>             | Tadbir urus dakwah digital                                       | Pensijilan & pemantauan kandungan    |
| <b>Takfir &amp; Polarisasi</b>   | Normalisasi <i>takfir</i> melemahkan kohesi                  | Larangan <i>takfir</i> melalui              | Pencegahan polarisasi sosial                                     | Modul kontra- <i>takfir</i>          |
| <b>Kenegaraan (Watan)</b>        | Penolakan negara melemahkan kestabilan                       | Masalah & <i>siyāsah shar'iyah</i>          | Pengarusperdanaan <i>Fiqh al-Watan</i>                           | Latihan kenegaraan Islam             |
| <b>Kesetiaan Politik</b>         | Kesetiaan watan ≠ syirik                                     | <i>Maqāsid hifz al-nizām</i>                | Penguatan naratif Islam & perlembagaan                           | Modul fiqh kenegaraan                |
| <b>Pencegahan Awal</b>           | Radikalisasi bermula sebelum keganasan                       | <i>Dar' al-mafāsīd</i>                      | Polisi pencegahan komuniti                                       | Program komuniti & sekolah           |
| <b>Pendekatan Jangka Panjang</b> | Ancaman intergenerasi                                        | Tarbiyah & <i>ta'dīb</i>                    | Polisi jangka panjang                                            | Pelan nasional literasi agama        |
| <b>Kerangka Penyatuan</b>        | Perlu teori tempatan yang operasional                        | <b><i>Fiqh Watan</i></b>                    | Kounter-ideologi rasmi                                           | Integrasi dalam dasar negara         |

Matriks ini menunjukkan bahawa implikasi utama dapatan kajian bukan terletak pada perluasan kuasa keselamatan semata-mata, tetapi pada pembinaan ketahanan ideologi berasaskan *Fiqh al-Watan*, selari dengan kebijaksanaan Saidina 'Alī RA yang menekankan pencegahan epistemologi dan pemulihan metodologi ilmu sebagai asas kestabilan jangka Panjang.

## Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa ideologi *Salafi-jihad* tidak pernah benar-benar lenyap meskipun kekalahan fizikal organisasi seperti ISIS dan Daesh berlaku. Dapatan empirik menunjukkan bahawa pendekatan keselamatan konvensional yang menumpukan kepada penguatkuasaan undang-undang, walaupun perlu, adalah tidak mencukupi untuk menangani ancaman yang berakar pada epistemologi dan tafsiran agama. Melalui analisis sejarah-teoretikal, kajian ini membuktikan bahawa pola ekstremisme yang dicirikan oleh literalisme nas, penolakan autoriti sah, normalisasi *takfir* dan delegitimasi kenegaraan telah dikenal pasti sejak awal sejarah Islam melalui kemunculan Khawarij. Analisis menunjukkan bahawa ekstremisme agama bukanlah anomali sementara, tetapi fenomena pemikiran yang akan terus muncul selagi kesalahan metodologi dalam memahami agama tidak ditangani.

Sumbangan utama kajian ini ialah penggabungan sumber sejarah Islam dengan literatur keselamatan kontemporari melalui pendekatan analisis rentas zaman (*diachronic analysis*) yang sah dari sudut metodologi. Dengan cara ini, kajian ini memperluas wacana ekstremisme agama

daripada tumpuan kepada organisasi dan psikologi individu kepada analisis epistemologi, autoriti ilmu dan hubungan agama dan kenegaraan. Dari sudut polisi dan aplikasi praktikal, kajian ini mengemukakan *Fiqh al-Watan* sebagai kerangka kounter-ideologi Islam tempatan yang strategik dan operasional dalam konteks Malaysia.

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa menangani ekstremisme agama memerlukan peralihan paradigma daripada sekadar memadam ancaman kepada membina ketahanan ideologi berasaskan ilmu, adab dan kenegaraan. Dalam konteks Malaysia, *Fiqh al-Watan* menawarkan satu sumbangan konseptual yang signifikan kepada literatur keselamatan dan pengajian Islam, serta membuka ruang penyelidikan lanjutan mengenai pembangunan *counter-ideology* Islam tempatan sebagai respons terhadap ekstremisme global yang bersifat berulang.

### Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh skim geran penyelidikan Institut Ilmu Darul Makmur-Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (IIDM-MUIP) yang bertajuk “Fiqh al Watan dan Governan/Tata Kelola Negeri Pahang: Strategi, Polisi dan Institusi”. Sehubungan dengan itu, penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Institut Ilmu Darul Makmur-Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (IIDM-MUIP) atas sumbangan dana yang telah diberikan.

## Rujukan

- Al Manasir, H. (2017). *To what extent does ISIS mark a new stage in the evolution of Salafi-jihadism?* Naval Postgraduate School.
- Europol. (2025). *European Union terrorism situation and trend report (TE-SAT 2025)*. European Union Agency for Law Enforcement Cooperation.
- Hegghammer, T. (2010). The rise of Muslim foreign fighters: Islam and the globalization of jihad. *International Security*, 35(3), 53–94. [https://doi.org/10.1162/ISEC\\_a\\_00023](https://doi.org/10.1162/ISEC_a_00023)
- Ibn Abī al-Ḥadīd. (1965). *Sharḥ Nahj al-Balāghah* (Vol. 2). Cairo: Dār Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Jones, A. M. K. (2023). *The Islamic State's propaganda enterprise: Terrorism's most dangerous domain*. Harvard University.
- Khambali, K. M., Abdullah, M., & Ali, A. K. (2017). Idealism of Jihad and War from the Qur'anic Perspective. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 15 (2), 240–60.
- Nahj al-Balāghah. (n.d.). Khutbah 61.
- Razak, M. I. A., Rahim, R. A. A., Ramli, M. A., Aziz, N. H. A., & Yusof, M. Y. (2017). Salafi jihad's version and coercion to world peace: An Islamic educational perspective. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(12), 1265-1280.
- Razak, M. I. A. (2018). *Isu-isu Wanita dalam Fiqh Jihad Kumpulan Ekstremisme Agama: Kajian Terhadap Majalah Dabiq dan Kaitannya di Malaysia*. Tesis PhD. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- U.S. Department of State. (2024). *Country Reports on Terrorism 2023: Malaysia*. United States Government.
- United Nations Security Council. (2024). *Report of the Secretary-General on the threat posed by ISIL (Da'esh) to international peace and security*. United Nations.
- United Nations Security Council. (2025). *Report of the Secretary-General on ISIL (Da'esh), Al-Qaida and associated individuals and entities*. United Nations.